

25 DEC 2001

Polis-Siasat

POLIS SIASAT LAPORAN MENGENAI KOMPLOT BUNUH PM DAN TPM

SERI KEMBANGAN, 25 Dis (Bernama) -- Polis tidak dapat memastikan kesahihan laporan sebuah akhbar harian hari ini mengenai adanya pakatan yang didakwa untuk membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Jamil Johari ketika ditemui pemberita di sini hari ini berkata beliau tidak dapat memastikan sama ada dakwaan itu benar atau sebaliknya.

Beliau tidak mahu mengulas lanjut mengenai perkara itu tetapi meminta akhbar yang menyiarkan berita itu supaya memberi kerjasama kepada polis untuk menjalankan siasatan.

"Kalau akhbar sudah beri laporan macam itu, kita akan minta pihak surat khabar beri kerjasama kepada kita," katanya ketika ditanya pemberita mengenai laporan yang disiarkan oleh akhbar The Sun.

"Kita akan siasat, sebab ini satu berita yang agak serius, yang boleh menakutkan banyak pihak. Jadi kita akan siasatlah," katanya.

Ketika tentang keselamatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang dikatakan dikawal rapi dengan pertambahan anggota keselamatan sejak kebelakangan ini, Jamil berkata itu merupakan satu perkara biasa.

"Keselamatan ketua-ketua negara dan pihak-pihak berkenaan sentiasa dijaga dengan baik dan itu merupakan satu perkara biasa," katanya.

Laporan muka depan akhbar itu memetik sumber yang tidak dinamakan sebagai berkata polis telah membongkar satu komplot oleh beberapa orang ahli politik tempatan untuk membunuh kedua-dua pemimpin berkenaan dengan menggunakan pembunuh upahan.

-- BERNAMA

KK NZ FAZ